



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

BIL.57/ 2018

### **28 JUN 2018 TARIKH AKHIR PENYERAHAN PENYATA BELANJA PILIHAN RAYA UMUM KE-14 (PRU-14)**

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengingatkan semua calon-calon yang bertanding pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu atau ejen pilihan rayanya agar menyerahkan penyata berkenaan dengan belanja pilihan raya kepada Pengarah Pilihan Raya Negeri dalam tempoh **31 hari** selepas tarikh keputusan PRU-14 diwartakan.

Selaras dengan Seksyen 23, Akta Kesalahan Pilihan Raya (AKPR) 1954, tempoh penyerahan tersebut akan berakhir pada **28 Jun 2018 (Khamis)**. Calon-calon yang gagal untuk menyerahkan penyata berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan perlu membuat permohonan maaf kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan tempoh lanjutan masa sepertimana dinyatakan dalam Seksyen 30 AKPR 1954.

Selaras dengan Seksyen 23, AKPR 1954, kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan implikasi berikut kepada calon;

- i) Tidak boleh menghadiri sidang atau mengundi dalam Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri;
- ii) Tidak boleh menyertai mana-mana pilihan raya selama tempoh lima tahun;
- iii) Boleh didakwa dan diambil tindakan atas perbuatan yang menyalahi undang-undang.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

#### **UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 26 Jun 2018 / 12 Syawal1439H